

UMP Tawan Puncak Gunung Kinabalu



Kota Kinabalu, 16 Januari – Kejayaan menawan Gunung Kinabalu pada tahun 2012 memberi inspirasi buat 22 pendaki Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang terdiri daripada 13 orang pelajar, empat staf dan lima alumni UMP untuk menawan kembali Gunung Kinabalu dalam menjayakan Misi Pendakian Gunung Kinabalu 2017.

Ketua Pendaki, Dr. Wan Mohd Hafizzuddin Wan Yusof yang juga merupakan pensyarah Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) melahirkan rasa syukur kerana semua pendaki berjaya sampai ke puncak dan beliau sangat menghargai semangat berpasukan dan setia kawan yang ditunjukkan oleh setiap pendaki.

“Pendakian bermula dari Timpohon Gate melalui Laban Rata dan selamat tiba di Low’s Peak pada jam 5.00 pagi. Pelbagai cabaran yang kami tempuh sepanjang pendakian antaranya cuaca yang panas dan angin yang kuat. Malahan ada di antara pendaki mengalami kecederaan dan Acute Mountain Sickness (AMS).

Walaupun begitu, semua halangan ini tidak melunturkan semangat mereka untuk sampai ke puncak dengan selamatnya,” katanya.



Bagi pendaki, Muhammad Faizzudin Mohd Amin, 25, Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE), beliau melahirkan perasaan berbangga dengan kegigihan dan semangat setiakawan setiap pendaki baik pelajar mahupun staf semasa berdepan dengan rintangan sewaktu mendaki Gunung Kinabalu.

Manakala bagi pendaki, Mohd Nujaimi Abu Bakar yang merupakan bekas pelajar Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli (FKKSA) yang kini bertugas di Technip Geoproduction Malaysia Sdn. Bhd. berpendapat pengalaman yang diperolehi banyak mengajar dirinya serta peserta lain bergerak dan bekerjasama dalam satu unit untuk sama-sama berjaya ke puncak.

Sementara itu, Naib Canselor UMP, Prof. Dato Dr. Daing Nasir Ibrahim melahirkan rasa bangga dengan semangat dalam kalangan warga UMP dan alumni dalam merealisasikan misi pendakian kali ini terutamanya dalam mengibarkan bendera UMP di Puncak Gunung Kinabalu yang merupakan Gunung Tertinggi di Asia Tenggara. Apatah lagi menjelangnya ulang tahun UMP kali ke-15 pada 16 Februari nanti.

Turut sama menjayakan misi adalah komitmen pihak lain terutamanya penyumbang yang terdiri daripada MKG Teguh Enterprise, Alumni UMP, Tobbit System, Surya, Taat Abadi, UMP Holding Sdn Bhd, Kedua Sdn Bhd (PERODUA), Sukan Maju Sdn Bhd dan tajaan daripada orang perseorangan.



Berita disediakan Nor Juhaida Basri dari Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP dan suntingan Bahagian Komunikasi Korporat